Smart Cash Xtra
Insurance Plan

Medical check-ups
are a hassle

# A plan with NO health questions and medical check-ups



Underwritten by:

eTiQa
Life Insurance

Humanising
Financial Services.

Maybank

## Smart Cash Xtra

Making the right financial move doesn't have to be a daunting task. Ease your mind with Smart Cash Xtra, a participating endowment plan that provides you with guaranteed life insurance benefits and a continuous stream of income over 20 years with only a 6-year premium payment term. What's more, you'll also enjoy potential bonuses, so you'll no longer need to worry about the challenges of managing your money.

The policy's 6-year premium paying term allows you and your family to establish a stable financial reserve, whilst helping you to achieve financial freedom much sooner. All you need to do is pay the premium and you will receive annual guaranteed cash payments immediately from the end of the very first year. Then sit back and watch your money continue to grow throughout your policy term to remain worry-free.

## Key Highlights:

1. Guaranteed approval without the hassle of health questions or medical check-up, up to insured amount of RM250,000.
2. Annual guaranteed cash payments as a percentage of the basic sum insured from the end of the first policy year.
3. Get a discount when you pay your premium in advance.
4. Potential yearly and maturity bonuses to be rewarded based on fund performance.
5. Death and Total Permanent Disability (TPD) coverage, with additional 100% sum insured payable occuring due to accidental causes.

## A Perfect Blend of Savings and Protection

Smart Cash Xtra offers a perfect blend of savings and financial protection for you and your family with exceptional growth potential for your money.

1. **Secure Your Family's Future**

   Smart Cash Xtra provide financial security to you and your family with life insurance protection against death and TPD due to natural and accidental causes.

**a. Benefit for Death and TPD**

In the event of Death or TPD during the policy term, the benefit payable to your family will be the basic sum insured, or total premiums paid to date less any guaranteed cash payments paid to date, whichever is higher. The amount paid includes accumulated guaranteed cash payments, reversionary and terminal bonuses, if any.

**b. Additional Payout for Accidental Death and Accidental TPD**

An additional 100% of basic sum insured is payable in an unfortunate accidental event resulting in Death or TPD during the policy term.

Note: Coverage for TPD will cease at age 65 (age next birthday) or up to policy maturity, whichever is earlier.

Coverage for Accidental Death will cease at age 70 (age next birthday) or up to policy maturity, whichever is earlier.

## 2. Receive Yearly Guaranteed Cash Payments

Smart Cash Xtra provides Yearly Guaranteed Cash Payouts based on your basic Sum Insured at the end of each policy year.

| End of Policy Year | % Guaranteed Cash Payouts Of Basic Sum Insured |
|---|---|
| 1 | 8% |
| 2 | 8% |
| 3 | 8% |
| 4 | 8% |
| 5 | 8% |
| 6 | 8% |
| 7 | 16% |
| 8 | 16% |
| 9 | 16% |
| 10 | 16% |
| 11 | 16% |
| 12 | 16% |
| 13 | 16% |
| 14 | 16% |
| 15 | 16% |
| 16 | 16% |
| 17 | 16% |
| 18 | 20% |
| 19 | 20% |
| 20 | 20% |

You will receive the guaranteed cash payments on an annual basis in arrears automatically upon enrolment. Alternatively, you may opt to have them accumulated with interest and get paid in the event of death or TPD or upon surrender or maturity of your policy. Before selecting the accumulation or payout features, you are strongly advised to speak to our Sales Representative to understand the terms and conditions of the accumulation/payout feature, and its potential impact on your future liquidity needs.

## 3. Enhance Your Savings through Bonus Additions

Smart Cash Xtra is enhanced with possibilities to boost your savings further. Depending on the performance of the participating fund, you may receive additional non-guaranteed bonuses on top of the guaranteed cash payments.

The non-guaranteed bonuses come in the form of simple Reversionary Bonus which is declared annually, and Terminal Bonus which may be payable when your policy ends.

The full value of the Reversionary Bonus will not be payable upon surrender of the policy prior to the maturity date.

## 4. Maturity Benefit

This benefit will be payable when your policy matures on your survival to the end of the policy term, provided your policy is still in force. The amount payable is the basic sum insured along with accumulated guaranteed cash payments, if any, and bonuses, if any.

## Frequently Asked Questions:

1. **Who is eligible to be insured under this plan?**

   Any person between the age of 14 days to 60 years old (age next birthday) is eligible to be insured under this plan.

2. **How long will my policy last?**

   20 years.

3. **Will I have to pay the premium until the policy ends?**

   No. You will only need to pay for 6 years but you will enjoy continuous coverage up to 20 years. This will ease your financial commitments in the later years and put your mind at ease so much sooner.

4. **How do I pay my premiums?**

   You can use your Maybank's account or card to pay your premiums. The premium will be automatically debited from your Maybank savings account, current account or any credit card.

5. **What is the amount I should insure myself?**

   It all depends on your personal financial needs, goals and circumstances. However, the amount of basic sum insured starts from RM15,000.

6. **Can I surrender my policy at any time?**

   You may surrender your policy but you are likely to lose some of your premiums if you do it after a short period. Your policy acquires a cash value only after your policy has been in force for at least 3 consecutive years. We encourage you to avoid surrendering your policy to ensure that your long term savings objectives are achieved.

7. **Am I eligible for tax relief for the premium paid under this policy?**

   You may qualify for tax relief on your personal income tax subject to the final decision of the Inland Revenue Board of Malaysia.



## Major Exclusions

To keep the benefits affordable, no benefit amount will be paid, due to the following causes:

| Cause | Death benefit | Accidental Death benefit | Total and Permanent Disability benefit |
|---|---|---|---|
| Suicide while sane or insane within one year from the issue date or latest reinstatement date of the policy | x | | |
| Self-inflicted injuries or suicide or attempted suicide, while sane or insane | | x | x |
| Participation in criminal act, illegal act, strike, riot or civil commotion | | x | x |
| Participation in any dangerous or hazardous activity, or non-commercial aviation | | x | x |
| Injuries or hospitalization as a result of drug addiction, or while under the influence of alcohol | | x | x |
| Provoking physical violence | | x | |
| Inhalation of poison, gas or fumes | | x | |
| Pre-existing condition within two years from the issue date or latest reinstatement date. This exclusion is only applicable to guaranteed acceptance policy | x | | x |

Note: The list is non-exhaustive. Please refer to policy contract for the full list of exclusions under this policy.

## For Your Attention

1. The contents of this brochure may be changed without prior notice.
2. This brochure is a summary of the terms and conditions of the plan. This brochure is not a legally binding contract or commitment.
3. Please request a sales illustration from your Maybank Sales Representative, prior to submitting an application for the plan. The sales illustration contains additional details on the terms and conditions of the plan. Please review the sales illustration to satisfy yourself that the benefits fulfil your needs and that the premiums are affordable.
4. Should your application for the plan be accepted by us, a policy contract will be sent to you to confirm commencement of the plan. Please refer to the policy contract for the full, legally binding terms and conditions of the plan. Should you choose to cancel this plan, for whatever reason, please notify us in writing within 15 days of receipt of the policy contract. On such cancellation we will refund any premiums you have paid, less medical fees if any, which were incurred in making this plan application.
5. Please pay any premiums due within 31 days of the premium due date. Premiums will be due regularly at intervals over the duration of the plan, as set out in the policy contract. Failing to pay premiums when due will discontinue all your benefits under the plan.

   If you cancel the plan within the first two years from commencement, you may not receive any payment. On cancellation in subsequent years, the payment amount received may be less than the premiums you have paid.
6. All premiums (if applicable) will be subjected to relevant charges or taxes as deemed necessary by the Malaysia tax authorities.
7. It is important to keep any receipt that you receive as proof of payment of premium.
8. The premiums that you pay contribute to both the savings and protection elements of the product, e.g. death benefits. If you are looking for financial products with savings element, you may wish to compare the annualised returns of this product with the effective returns of other investment alternatives.



**Talk to our Sales Representative now!**

Call **1300 88 6688**, visit any Maybank branch or log on to **www.maybank2u.com.my** for more details, terms and conditions.

This plan is underwritten by Etiqa Life Insurance Berhad (201701025113), a subsidiary of Malayan Banking Berhad (196001000142). Etiqa Life Insurance Berhad is licensed under Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

Etiqa Life Insurance Berhad is located at Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. This plan is distributed by Malayan Banking Berhad and the headquarters is located at Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

V1/23/SCX/BNMG




## Smart Cash Xtra

Mengambil langkah kewangan yang betul tidak perlu menjadi suatu tugasan yang membebankan. Tenangkan minda anda dengan Smart Cash Xtra, suatu pelan endowmen sertaan yang menyediakan jaminan manfaat insurans hayat dan aliran pendapatan yang berterusan selama 20 tahun dengan tempoh pembayaran premium selama 6 tahun sahaja. Disamping itu, anda juga berpotensi untuk menikmati bonus dan seterusnya tidak perlu lagi bimbang tentang cabaran menguruskan wang anda.

Dalam jangkamasa pembayaran premium selama 6 tahun, ia membolehkan anda dan keluarga anda untuk mewujudkan simpanan kewangan yang stabil dan pada masa yang sama membantu anda bebas dari kekangan kewangan dengan lebih cepat. Apa yang perlu anda lakukan adalah membayar premium dan anda akan menerima pembayaran tunai tahunan yang dijamin serta merta bermula dari penghujung tahun pertama polisi anda. Selepas itu, anda hanya perlu menunggu dan melihat wang anda berganda secara berterusan sepanjang tempoh polisi anda tanpa sebarang kerisauan.

## Ciri-ciri Utama:

1. Jaminan penerimaan dengan jumlah diinsuranskan sehingga RM250,000 tanpa soalan kesihatan atau pemeriksaan perubatan.
2. Jaminan pembayaran tunai tahunan sebagai peratusan jumlah asas yang diinsuranskan dari penghujung tahun pertama polisi.
3. Nikmati diskaun apabila anda membuat pembayaran premium secara pendahuluan.
4. Berpotensi untuk mendapat bonus tahunan dan bonus pada kematangan bergantung kepada prestasi dana.
5. Manfaat kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK) dengan tambahan 100% jumlah asas yang diinsuranskan akan dibayar akibat kemalangan.

## Gabungan Sempurna Diantara Simpanan dan Perlindungan

Smart Cash Xtra menawarkan gabungan sempurna diantara simpanan dan perlindungan kewangan untuk anda dan keluarga anda dengan potensi peningkatan kewangan yang tinggi.

1. **Jaminkan Masa Depan Keluarga Anda**

Smart Cash Xtra menyediakan jaminan kewangan untuk anda dan keluarga anda dengan perlindungan insurans hayat terhadap kematian dan HUMK secara semula jadi dan akibat kemalangan.

a. **Manfaat untuk Kematian dan HUMK**

Sekiranya berlaku Kematian atau HUMK sepanjang tempoh polisi anda, manfaat yang akan dibayar kepada keluarga anda adalah jumlah asas yang diinsuranskan atau jumlah premium yang dibayar setakat ini ditolak dan sebarang bayaran tunai terjamin dibayar setakat ini, yang mana lebih tinggi. Jumlah yang dibayar adalah termasuk pembayaran tunai dijamin terkumpul, bonus-bonus berbalik dan terminal, jika ada.

b. **Pembayaran Tambahan Bagi Kematian dan HUMK Akibat Kemalangan**

Tambahan 100% daripada jumlah asas yang diinsuranskan akan dibayar sekiranya berlaku kemalangan yang mengakibatkan Kematian atau HUMK sepanjang tempoh polisi.

Nota: Perlindungan untuk HUMK akan tamat pada usia 65 (umur hari lahir yang berikutnya) atau sehingga polisi matang, yang mana lebih awal. Perlindungan untuk Kematian Akibat Kemalangan akan tamat pada usia 70 (umur hari lahir yang berikutnya) atau sehingga polisi matang, yang mana lebih awal.

2. **Dapatkan Pembayaran Tunai Dijamin Secara Tahunan**

Smart Cash Xtra menyediakan Pembayaran Tunai Dijamin Tahunan berdasarkan Jumlah Asas yang Diinsuranskan pada akhir setiap polisi tahunan.

| Penghujung Tahun Polisi | % Pembayaran Tunai Dijamin berdasarkan Jumlah Asas yang Diinsuranskan |
|---|---|
| 1 | 8% |
| 2 | 8% |
| 3 | 8% |
| 4 | 8% |
| 5 | 8% |
| 6 | 8% |
| 7 | 16% |
| 8 | 16% |
| 9 | 16% |
| 10 | 16% |
| 11 | 16% |
| 12 | 16% |
| 13 | 16% |
| 14 | 16% |
| 15 | 16% |
| 16 | 16% |
| 17 | 16% |
| 18 | 20% |
| 19 | 20% |
| 20 | 20% |

Anda akan menerima pembayaran tunai dijamin pada setiap tahun secara automatik dan tertunggak selepas penyertaan anda. Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk menerima pembayaran tersebut terkumpul bersama dengan faedahnya dan akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau HUMK atau ketika penyerahan polisi atau setelah polisi anda matang. Sebelum memilih ciri jumlah terkumpul atau pembayaran, anda dinasihatkan untuk berbincang dengan Wakil Jualan kami untuk memahami terma dan syarat ciri jumlah terkumpul/pembayaran yang berpotensi memberi kesan terhadap keperluan mudah tunai masa depan anda.

3. **Tingkatkan Simpanan Anda Melalui Tambahan Bonus**

Smart Cash Xtra dipertingkatkan dengan kemungkinan untuk menggandakan lagi simpanan anda. Bergantung kepada prestasi dana sertaan, anda mungkin akan menerima bonus tambahan tidak dijamin, disamping pembayaran tunai dijamin.

Bonus-bonus tidak dijamin ini adalah dalam bentuk Bonus Berbalik mudah yang diisytiharkan setiap tahun dan Bonus Terminal yang mungkin dibayar apabila polisi anda tamat.

Nilai penuh Bonus Berbalik tidak akan dibayar apabila penyerahan polisi dibuat sebelum tarikh matang.

4. **Manfaat Kematangan**

Manfaat ini akan dibayar apabila polisi anda matang sekiranya anda masih hidup sehingga tempoh polisi anda berakhir, dengan syarat polisi anda masih berkuatkuasa. Jumlah yang akan dibayar adalah jumlah asas yang diinsuranskan bersama-sama dengan pembayaran tunai dijamin terkumpul, jika ada, beserta bonus-bonus, jika ada.

## Soalan-soalan Lazim :

1. **Siapakah yang layak untuk dilindungi di bawah pelan ini?**

   Sesiapa yang berumur di antara 14 hari hingga 60 tahun (umur hari lahir yang berikutnya) layak untuk diinsuranskan di bawah pelan ini.

2. **Berapa lama polisi saya akan berkuatkuasa?**

   20 tahun.

3. **Adakah saya perlu membayar premium sehingga polisi ini tamat?**

   Tidak. Anda hanya perlu membayar untuk 6 tahun sahaja tetapi anda akan menikmati perlindungan yang berterusan sehingga 20 tahun. Ini akan meringankan komitmen kewangan anda pada tahun-tahun seterusnya dan memberi ketenangan minda buat anda dengan lebih awal lagi.

4. **Bagaimanakah caranya saya membuat pembayaran premium?**

   Anda boleh menggunakan akaun atau kad Maybank anda untuk membayar premium. Premium akan didebit secara automatik dari akaun simpanan dan akaun semasa Maybank atau kad kredit.

5. **Berapakah jumlah yang perlu saya insuranskan untuk diri saya?**

   Ianya bergantung kepada keperluan, matlamat serta keadaan kewangan peribadi anda. Walau bagaimanapun, jumlah asas yang diinsuranskan bermula dari RM15,000.

6. **Bolehkah saya membuat penyerahan polisi saya pada bila-bila masa?**

   Anda boleh membuat penyerahan polisi tetapi anda mungkin akan kehilangan sejumlah premium sekiranya anda melakukannya dalam tempoh yang singkat. Polisi anda hanya akan memperoleh nilai tunai selepas polisi ini telah berkuatkuasa sekurang-kurangnya 3 tahun berturut-turut. Kami menggalakkan supaya anda mengelak daripada melakukan penyerahan polisi anda bagi memastikan objektif simpanan jangka panjang anda tercapai.

7. **Adakah saya layak untuk mendapat pelepasan cukai bagi premium yang dibayar di bawah polisi ini?**

   Anda mungkin layak untuk mendapat pelepasan cukai ke atas cukai pendapatan peribadi anda, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## Pengecualian

Untuk memastikan manfaat sentiasa mampu dimiliki, tiada pembayaran akan diberikan di bawah pelbagai komponen pelan, atas sebab-sebab berikut:

| Sebab | Manfaat Kematian | Manfaat Kematian akibat Kemalangan | Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal |
|---|---|---|---|
| Membunuh diri, sama ada semasa siuman atau tidak siuman dalam tempoh satu tahun dari tarikh pengeluaran polisi atau tarikh terakhir pengembalian semula yang terkini | x | | |
| Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan bunuh diri, ketika siuman atau tidak siuman | | x | x |
| Penglibatan di dalam sebarang aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang, mogok, rusuhan atau kekacauan umum | | x | x |
| Penglibatan di dalam sebarang aktiviti dan sukan berbahaya, atau penerbangan bukan komersil | | x | x |
| Kecederaan atau penghospitalan akibat ketagihan dadah, atau semasa dibawah pengaruh alkohol | | x | x |
| Kecederaan akibat provokasi keganasan fizikal | | x | |
| Penyedutan racun, gas atau wasap | | x | |

| Sebab | Manfaat Kematian | Manfaat Kematian akibat Kemalangan | Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal |
|---|---|---|---|
| Keadaan sedia ada dalam tempoh dua tahun dari tarikh pengeluaran polisi atau tarikh pengembalian semula terkini. Ini hanya tertakluk kepada polisi penerimaan terjamin | x | | x |

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini.



## Untuk Perhatian Anda

1. Maklumat yang terkandung dalam brosur ini boleh dipinda tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
2. Brosur ini adalah ringkasan daripada terma dan syarat pelan ini. Brosur ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen.
3. Sila minta ilustrasi jualan daripada Wakil Jualan Maybank anda sebelum membeli pelan ini. Ilustrasi jualan mengandungi maklumat terperinci berkenaan terma dan syarat pelan ini. Sila semak ilustrasi jualan untuk mendapatkan kepastian bahawa manfaat-manfaat adalah sesuai dengan keperluan anda dan jumlah premium yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda.
4. Sekiranya permohonan anda terhadap pelan ini diluluskan oleh kami, kontrak polisi akan dihantar untuk mengesahkan permulaan pelan. Sila rujuk dan baca kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh. Sekiranya anda ingin membatalkan pelan ini, bagi apa jua alasan, sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam masa 15 hari dari tarikh penerimaan kontrak polisi dan kami akan membayar balik premium yang telah diterima selepas ditolak kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung (jika ada).
5. Sila bayar premium dalam tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh premium tersebut perlu dibayar. Premium yang perlu dibayar adalah tetap sepanjang tempoh pelan seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi. Kegagalan membayar premium akan menamatkan kelayakan anda untuk menerima manfaat di bawah pelan ini.

   Anda tidak akan menerima sebarang pembayaran jika anda menamatkan pelan ini dalam dua tahun yang pertama dan manfaat pembayaran tahun berikutnya mungkin kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar.
6. Semua premium (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.

7. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran premium
8. Premium yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, contohnya manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin menbandingkan pulangan tahunan produk ini dengan pulangan efektif alternatif-alternatif pelaburan yang lain.



**Berhubung dengan Wakil Jualan Kami sekarang!**

Hubungi **1300 88 6688**, kunjungi mana-mana cawangan Maybank atau layari **www.maybank2u.com.my** untuk maklumat lanjut, terma-terma dan syarat-syarat.

Pelan ini diunderait oleh Etiqa Life Insurance Berhad (201701025113), sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad (196001000142). Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Etiqa Life Insurance Berhad adalah berlokasi di Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Pelan ini diedarkan oleh Malayan Banking Berhad dan ibu pejabat berlokasi di Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

V1/23/SCX/BNMG

Maybank